

## Rohingya lari dari kem di Aceh diurus sebagai PATI

**KUALA LUMPUR**  
- Warga Rohingya yang ditahan serta ditangkap di sempadan negara akan diuruskan sebagai pendatang asing tanpa izin (PATI).

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, kesemua warga Rohingya yang ditahan ditempatkan di Depot Imigresen.

“Saya dimaklumkan bahawa Ops Benteng sedang memantau dan meningkatkan kawalan di perairan.

“Bagi Imigresen, jika mereka mendarat di sempadan negara dan ditangkap, semua warga Rohingya ini akan diuruskan sebagai PATI. Mereka akan ditahan dan ditempatkan di depot imigresen,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Jumaat.

Beliau mengulas mengenai tindakan yang akan diambil oleh Jabatan Imigresen Malaysia berhubung laporan portal dan akhbar tempatan yang me-



**KHAIRUL DZAIMIE**

maparkan mengenai ratusan etnik Rohingya hilang dari kem pelarian di Indonesia dan dipercayai diseludup masuk ke Malaysia.

Laporan daripada agensi tempatan dan luar negara yang dikeluarkan pada Khamis itu

mendakwa hanya 112 pelarian masih tinggal di kem itu yang terletak di Lhokseumawe, Aceh berbanding 400 etnik Rohingya yang tiba di negara itu antara Jun dan September tahun lalu.

Bagaimanapun, menurut ketua pasukan petugas Rohingya di Lhokseumawe, Ridwan Jamil, pelarian terbabit disyaki menghubungi penyeludup untuk membawa mereka menyeberangi Selat Melaka menuju ke Malaysia.

“Buat masa ini, kami tidak tahu ke mana mereka pergi, namun mereka boleh lepaskan diri jika dapat peluang kerana memang itu matlamat mereka (untuk ke Malaysia),” katanya.

**OPS  
BENTENG**